

# PBB sahkan sisa air loji Fukushima bukan toksik

Kepekatan bahan tritium pelepasan pertama pada tahap tidak membahayakan

84 31/8/2023 ms: 46


**Stockholm:** Kepekatan tritium dalam sisa air yang dilepaskan dari loji nuklear Fukushima-Daiichi Jepun berada di bawah paras dijangka dan tidak menimbulkan risiko kepada penduduk, kata ketua badan pemerhati atom Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), kelmarin.

“Setakat ini kami telah dapat mengesahkan bahawa pelepasan pertama di perairan tidak mengandungi sebarang radionukleida pada tahap yang boleh membahayakan,” kata Rafael Grossi kepada AFP ketika lawatan ke Stockholm.

Dua belas tahun selepas kemalangan nuklear yang menjadi antara insiden terburuk di dunia, Jepun mula melepaskan air buangan ke Lautan Pasifik minggu lalu susulan ia secara beransur-ansur mengeluarkan air berjumlah kira-kira 540 kolam renang bersaiz Olimpik.

“Permulaan telah mengikut apa yang kami jangkakan... tetapi kami akan teruskan (memantau)... sehingga titisan terakhir dikeluarkan,” kata Grossi.

Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) berkata pada 24



Pemandangan udara menunjukkan tangki simpanan untuk rawatan air di stesen jana kuasa nuklear Fukushima-Daiichi. (Foto REUTERS)

Ogos bahawa analisis bebas kepekatan tritium dalam air cair yang dilepaskan adalah ‘jauh di bawah had operasi 1,500 becquerel seliter.’ Had itu pula jauh lebih rendah daripada standard keselamatan negara Jepun.

## Kamera di tapak nuklear

Jepun berulang kali menegaskan bahawa sisa air tidak berbahaya, tetapi langkah itu mencetuskan kebimbangan dalam kalangan nelayan tempatan, selain membangkitkan kemarahan di China yang menggantung import makanan la-

utnya dari Jepun.

Grossi juga mengulas mengenai kerjasama agensinya dengan Iran, mengatakan bahawa pemasangan semula kamera di tapak nuklear berjalan terlalu perlahan.

Tehran pada Mac lalu berikrar untuk mengaktifkan semula peranti pengawasan yang diputuskan pada Jun 2022 di tengah-tengah hubungan yang semakin merosot dengan Barat.

“Kami telah cuba memasang semula kamera kami. Kami memulakan kerja itu tetapi ia tidak berjalan pada kadar yang saya inginkan

dan jangkakan.

“Ia adalah sangat, sangat perlahan dan kami ingin ini bertambah baik,” kata Grossi.

IAEA akan mengeluarkan laporan baharu mengenai perkembangan program nuklear Iran tidak lama lagi.

“Kami sedang meneliti beberapa penjelasan yang harus diberikan Iran kepada kami mengenai penemuan kesan uranium.

“Ia adalah proses berterusan yang mempunyai banyak ruang untuk penambahbaikan,” katanya. AFP